

DANAU SISIK EMAS
(En. Mazlan Abdullah)

Danau Sisik Emas, begitulah nama panggilan bagi sebuah tempat yang terletak di pinggir kampung Sawah Raja. Kedudukannya tidaklah begitu sukar untuk kita sampai di sana, cuma melalui jalan tanah merah sama ada dari kampung Air Melintang, Astana Raja, atau pun dari kampung Sawah Raja.

Kalau anda sampai di kawasan danau ini tiada apa yang menarik perhatian anda selain daripada sebuah pemandangan tapak sawah padi yang telah lama tidak diusahakan serta beberapa kawasan paya yang dipenuhi dengan rumpai. Tetapi di sebalik pemandangan yang biasa itu terkandung cerita-cerita yang menarik mengenainya disamping asal usul nama danau ini. Oleh itu penulis sempat menemui beberapa orang tua di kampung Sawah Raja menanyakan kisah Danau Sisik Emas yang begitu terkenal suatu ketika dahulu.


Menurut mereka yang telah ditemui, Danau Sisik Emas ini sememangnya merupakan sebuah danau pada masa dahulu. Disebabkan ketiadaan usaha untuk memelihara danau tersebut maka ia telah ditumbuhi oleh rumpai dan akhirnya menjadi tumpat.

Kawasan danau ini dahulu agak luas. Ia terdiri daripada dua peringkat di mana terdapat dua buah lubuk besar. Di antara dua buah lubuk tersebut satu daripadanya agak besar dan dalam serta airnya sentiasa berkocak (berombak).

Petempatan pada masa dahulu adalah di bahagian atas danau yang dikenali sebagai Kampung Pelebar (1). sebelum petempatan baharu dibuka di seberang danau yang sekarang ini dikenali sebagai Kampung Sawah Raja (2).

-
1. Kampung ini telah pun ditinggalkan dan hanya kesan-kesannya yang masih lagi terdapat sekarang ini.
 2. Nama asal Kampung Sawah Raja ialah Sawar Raja iaitu tempat mengutip cukai raja. Cukai dikutip daripada perahu-perahu yang lalu lalang di sungai yang terletak di sebelah Danau Sisik Emas.

PETA LATAR MENUNJUKKAN KAWASAN DANAU SISIK EMAS



Terkenalnya danau ini sebagai Danau Sisik Emas adalah kerana terdapat ikan yang berkilauan sisiknya seperti emas di dalamnya. Ikan ini sering menonjolkan dirinya di permukaan air dan kalau ada yang cuba untuk menangkapnya sudah tentu akan menemui kegagalan. Menurut ceritanya, ikan ini dipelihara oleh makhluk ghaib.

Salah seorang yang ditemui iaitu Hajjah Imai bt. Idol menyatakan bahawa danau ini juga terkenal sebagai Pedano Emas. Menurut cerita beliau, suatu ketika dahulu ada seorang lelaki tinggal di tepi danau itu. Beliau dikenali orang sebagai Pedano yang berasal dari Sumatera. Kerjanya hanyalah mengail ikan di danau itu dengan menggunakan sampan. Hasil tangkapan beliau ditukarkan dengan barang-barang keperluan harian seperti beras, garam dan lain-lain dengan penduduk kampung.

Pedano dikatakan mempunyai sifat yang lurus. Beliau tidak mahu menerima barang yang hendak ditukarkan seperti beras dengan kadar yang banyak walau pun ikan yang diperolehinya agak banyak. Cukuplah untuk lepas makan pada hari ini sahaja katanya. Esok beliau akan turun lagi mengail dan ikannya ditukarkan dengan penduduk kampung. Begitulah keadaannya setiap hari.

Pada suatu hari, sedang beliau mengail ikan di danau tersebut terkail olehnya rantai emas. Apalagi, rantai emas itu terus ditarik ke dalam perahu. Walau bagaimanapun rantai itu tiada penghujungnya dan beliau tetap menariknya tanpa berhenti-henti. Semasa beliau menarik rantai emas itu se ekor katak telah berbunyi 'Krek, Krek, Krek' (maksudnya menyuruh pengail mengerat rantai emas tersebut). Bunyi katak itu tidak diendahkan oleh Pedano dan beliau terus menariknya sehinggalah perahunya sarat. Akhirnya beliau tenggelam bersama rantai emas itu dan mayatnya dikebumikan di tepi danau.

Peristiwa Pedano terkail rantai emas itu menyebabkan orang kampung memanggil danau ini sebagai Pedano Emas. Walau bagaimanapun panggilan Danau Sisik Emas lebih popular sehinggalah sekarang ini.

Satu lagi cerita yang agak menarik mengenai danau ini yang diceritakan oleh Hajjah Imai dengan dibantu oleh suaminya Haji Abdul Rashid ialah tentang meminjam pinggan mangkuk tembikar dari danau ini. Menurut mereka, orang-orang tua dahulu boleh meminjam pinggan mangkuk tembikar di danau ini untuk kegunaan masa kenduri. Pinggan mangkuk tersebut dikatakan kepunyaan 'Orang Halus' (Orang Bunian).

Apabila seseorang hendak meminjam pinggan mangkuk tersebut ia terlebih dahulu menemui seorang Bomoh di kampung itu kerana Tok Bomoh sahaja lah yang dapat menyampaikan hajat mereka kepada orang Halus. Kemeyan akan dibakar di suatu tempat di sekitar danau dan Tok Bomoh akan menjalankan upacara 'menurun'. Pada keesokan harinya akan didapati pinggan mangkok yang dipinta terlonggok di tempat kemeyan itu dibakar.

Walaupun bagaimanapun pinggan mangkuk itu tidak dapat dipinjam lagi kerana keluarga yang terakhir meminjamnya telah melakukan satu kesilapan yang menyebabkan kemarahan kepada 'Orang Halus' tersebut. Semasa pinggan itu digunakan terdapat beberapa buah telah pecah. Ketika memulangkannya kembali, mereka menggantikan pinggan mangkuk yang pecah dengan yang baharu. Ini menyebabkan kemarahan 'Orang Halus' dan tidak lagi memberi pinjaman kepada orang kampung. Sepatutnya, menurut Hajjah Imai, pinggan mangkuk yang pecah tidak diganti tetapi tembikarnya mesti dipulangkan. Sejak itu orang kampung tidak lagi dapat meminjam pinggan mangkuk dari danau tersebut.

Kisah-kisah mengenai danau ini sememangnya menarik didengar dan terdapat beberapa cerita mengenainya mempunyai persamaan dengan tempat-tempat bersejarah di negara ini. Namun begitu Danau Sisik Emas mempunyai keistimewaannya tersendiri. Ia bukan sebuah dongeng tetapi merupakan suatu tradisi sejarah. Sejak Datok Undang yang pertama sehinggalah kepada Datok Undang yang ada sekarang ini, mereka akan datang berkunjung ke Danau Sisik Emas ini apabila mereka ditabalkan. (1)

Kunjungan Datok Undang menunjukkan satu keistimewaan pada Danau Sisik Emas. Menurut Puan Hawiah bt. Sitam, Danau Sisik Emas merupakan sebuah tempat yang cantik pada masa dahulu. Kecantikan danau ini menyebabkan ia dipilih sebagai tempat untuk dikunjungi oleh Datok Undang disamping mengadakan keramaian untuk meraikan perlantikan beliau sebagai Datok Undang yang baharu. Keramaian ini sengaja dibuat untuk merapatkan hubungan antara rakyat dengan pemerintah.

Semasa Datok Undang mengunjungi danau ini banyakkah upacara-upacara dijalankan bagi memeriahkan lagi suasana. Hajjah Imai yang dapat menikmati pemerintahan tiga orang datok undang (Datok Undang Abdullah Haji Dahan, Datok Undang Haji Ipap dan Datok Undang Haji Adnan) menyatakan di antara ketiga-tiga datok undang ini Datok Undang Haji Ipap telah mengadakan keramaian yang paling besar dan paling meriah. Beribu-ribu orang telah datang menyambut kunjungan beliau ke Danau Sisik Emas ini.

Melalui pengalaman Hajjah Imai yang diceritakan kepada penulis bahawa setiap kali datok undang berkunjung ke danau ini air danau akan dikeringkan (danau yang terletak di sebelah hulu kerana ia lebih kecil) untuk dijalankan upacara menangkap ikan. Setelah air danau ini dikeringkan masing-masing pun berebutlah turun ke danau. Ada yang menangkap ikan dengan menggunakan tangan, ada yang menggunakan tangguk dan ada juga yang menggunakan jala.

Menurut Hajjah Imai lagi, sebab danau ini menjadi tumpat dan ditumbuhi oleh rumpai adalah kerana selepas air danau dilepaskan tiada usaha untuk menutupnya kembali. Danau ini dibiarkan begitu saja sehingga akhirnya kawasan danau menjadi semakin kecil dan kini hanya tinggal beberapa buah paya.

Satu peristiwa yang benar-benar terjadi di danau ini ialah kehilangan seorang budak lelaki yang bernama Shintal. Puas penduduk kampung mencarinya dengan menggunakan "Tetawak" tetapi tidak berjumpa. Hanya kesan tapak kaki beliau yang dijumpai dan bekas tapak kaki itu hilang dengan tiba-tiba sahaja. Hajjah Imai pernah mendengar suara orang menangis dari hutan di tepi danau iaitu semasa emak Shintal meninggal dunia.

Danau Sisik Emas sekarang ini merupakan suatu kawasan yang agak 'keras'. Ini diakui sendiri oleh Hajjah Imai dan suaminya serta beberapa orang penduduk kampung Sawah Raja. Sesiapa yang bercakap besar di kawasan danau ini akan ditimpa malapetaka. Hajjah Imai sendiri pernah mengalami beberapa peristiwa ganjil iaitu sewaktu beliau sesat di hutan danau ini beliau telah berjumpa dengan seorang tua yang kemudiannya menunjukkan jalan keluar. Selepas menunjukkan jalan orang itu ghaib dengan tiba-tiba.

Selain daripada kekayaan danau ini dengan cerita-cerita yang menarik, di dalam bumi danau ini tersimpan satu hasil ekonomi yang penting dalam negara ini iaitu bijih timah. Tidak ramai yang mengetahui tentang adanya bijih timah di kawasan danau ini. Ia mula dijumpai oleh pekerja-pekerja bangsa Cina yang membuat parit air di sini. Mereka mengatakan bahawa tempat ini adalah sebuah tempat yang bagus sambil menunjukkan beberapa contoh bijih timah yang dijumpai dari dalam tanah di situ.

Sebagai mengakhiri kajian yang ringkas dan tidak seberapa ini penulis ingin mengulangi kata-kata yang diucapkan oleh orang yang ditemui ; Danau ini sangat terkenal pada masa dahulu sehinggakan ada orang yang bertanyakan mengenainya ketika beliau berada di Mekah, tetapi kini ia hanya tinggal nama sahaja yang tidak memberi erti kepada generasi sekarang ini.



Gambar pemandangan sebahagian daripada kawasan Danau Sisik Emas.





Kubur yang terdapat di tepi danau. Dipercayai dipunyai oleh Pedano. Kubur ini sering juga dikunjungi oleh peminat nombor ekor.

RUJUKAN

1. Hj. Abdul Rashid bin Abdullah 92 tahun, berasal dari Kampung Semerbok.
2. Puan Hawiah bt. Sitam, anak jati Kampung Sawah Raja, banyak mengetahui cerita tentang Danau Sisik Emas daripada orang-orang tua.
3. Hajjah Imai bt. Idol, 85 tahun, isteri kepada Hj. Abdul Rashid, anak jati Kampung Sawah Raja, pengalaman dan pengetahuannya banya membantu penulis dalam menyediakan kajian ini.
4. Hajjah Mayon, berumur dalam lingkungan 90 tahun, tidak berapa ingat lagi tentang kisah danau tetapi beberapa ceritanya mempunyai persamaan dengan cerita dari Hajjah Imai.